

kami bukan sekadar untuk mendaftarkan perniagaan, tetapi juga memberikan ilmu kepada peniaga tentang mengapa pentingnya mereka mendaftar. Semua perlu sedar bahawa kita yang dan bukan untuk menganiaya, tetapi lebih kepada melindungi, bukan sahaja peniaga tetapi juga pengguna," terangnya penuh semangat.

Ternyata apa yang dilakukan dalam masa yang singkat mendapat perhatian. Baru-baru ini negara jiran Singapura telah menjemput SSM untuk mengadakan taklimat di Negara tersebut. "Bagi saya ini bukan pencapaian peribadi, tetapi pencapaian SSM secara keseluruhan."

Prinsip kerja

Bercakap mengenai pelantikannya sebagai CEO SSM pada Januari 2015, anak ketujuh daripada 12 beradik ini menganggap ia sebagai satu penghormatan besar.

"Walaupun sebelum ini saya telah memegang jawatan sebagai Timbalan CEO Perkhidmatan selama hampir 14 tahun, pelantikan ini tetap merupakan suatu yang mengejutkan. Memang saya tidak pernah fikir akan sampai sehingga ke tahap ini," katanya jujur.

Ditanya tentang prinsipnya dalam bekerja, Datuk Zahrah memberitahu bahawa mencintai apa yang dilakukan dan seronok bekerja adalah amaliannya selama ini. "Bagi saya mencintai apa yang kita lakukan adalah sangat penting. Ini akan mendorong kita untuk memberikan yang terbaik dalam apa sahaja tugas yang diamanahkan."

Kiranya isteri kepada Peter Muhammad Abdullah ini merupakan seorang wanita yang aktif dan amat mengambil berat tentang kesihatan.

"Saya memang aktif, dan lasak dari zaman kanak-kanak. Sebab itu apabila di universiti saya masuk Palapas. Sukan dan muzik adalah antara kesukaan masa lapang saya," akui graduan Perakaunan daripada Universiti Kebangsaan Malaysia ini lagi.

Amalan hidup sihat yang diamalkan itu kini cuba diterapkan kepada kakitangan SSM yang lain. "Saya memang galakkan staf bersenam terutama staf yang muda. Saya juga melihat mereka aktif dan sihat. Ini pasti akan menyuntik semangat dalam bekerja."

Kata Datuk Zahrah dia merancang untuk mengadakan program yang dinamakan 'Healthy One' untuk kakitangan. "Ia macam program *The Biggest Loser* di mana peserta yang berjaya menurunkan berat badan paling banyak dalam masa 60 hari akan dilayhkan sebagai pemenang," ujarnya sambil tersenyum.

Ternyata wanita ini bukan sahaja berjaya mengandungi jawatan hebat, tetapi juga kaya dengan idea yang hebat. "Seperti saya katakan, saya mahu staf saya bekerja dalam keadaan gembira. Dan saya yakin keseronokan bekerja itu akan menjadi pemangkin melonjakkan SSM ke tempat yang lebih tinggi."

Isteri, anak dan menantu, menjadi tulang belakang menyokong kejaya Datuk Zahrah.

